

# Air mata perjuangan, ketabahan di sebalik 'Rethinking Ourselves'

Buku ini bukan sekadar kisah seorang tahanan politik, tetapi kisah manusia belajar menemukan makna di tengah derita

• Buku ini juga membawa pembaca menelusuri akar perjuangan beliau sejak 1974, protes petani miskin di Baling, Kedah, penahanan mengikut Akta Rahsia Rasmi (ISA) dan kesedaran pahit bahawa idealisme tanpa struktur kuasa akan mudah dihancurkan



Oleh Prof Datuk Dr Mohd Fuad Sakdan  
bhrencana@bh.com.my

Datuk Seri Anwar Ibrahim membuka buku terbarunya, 'Rethinking Ourselves' dengan metafora sarat makna iaitu 'eye of the storm' untuk menyingkap detik paling getir dalam hidupnya dan dalam sejarah politik Malaysia moden.

Naib Canselor  
Universiti Utara  
Malaysia (UUM)

Di sebalik ketenangan mata ribut', berputar kekacauan hampir memusnahkan segala-galanya, kuasa, nama, keluarga dan kebebasan. Ribut itu tidak hanya menggoncang institusi negara,

tetapi juga jiwa seorang manusia yang berpegang pada keadilan walau ditentang arus.

Krisis Kewangan Asia 1997 menjadi latar kepada pemecatannya pada 2 September 1998 dan penahanannya pada 20 September, sebuah tragedi politik kemudian melahirkan bab paling gelap, tetapi juga paling membina dalam sejarah hidupnya.

Namun bagi Anwar, kisah ini bukan sekadar catatan luka. Ia adalah pengakuan moral bahawa keadilan mesti ditegakkan walaupun ia mengundang kesepian dan pengorbanan.

Dalam bab awal buku, beliau mengingat kembali keberaniannya meluluskan pindaan terhadap Akta Pencegahan Rasuah sewaktu menjadi pemangku Perdana Menteri pada 1997, walau digesa menanggukkannya.

"It was not the right time for such changes," kata rakan Kabinetnya, tetapi beliau menegaskan: "If not now, when?"

Pindaan itu bukan hanya mengubah undang-undang, tetapi menandakan keberanian seorang pemimpin menentang budaya rasuah mengakar.

"My actions were seen not just as a threat against the holders of power but as an audacious attack against the beneficiaries of the kleptocrats - families, cronies and captains of industry," tulisnya.

Tidak ada bahagian dalam buku ini lebih menggugah jiwa daripada catatan penjaranya, 1974-1976, 1998-2004 dan 2015-2018.

## Makna di tengah derita

Bagaimanapun, buku ini bukan sekadar kisah seorang tahanan politik, tetapi kisah manusia belajar menemukan makna di tengah derita.

Beliau menyifatkan sekatan bahan bacaan di penjara sebagai 'one of the chief attempts to inflict mental torture'. Namun daripada tekanan itu, lahir kekuatan baharu.

Di sebalik jeriji, Anwar tidak menyerah kepada kehancuran. Wuduk dan solat menjadi tempatnya berpaut, bacaan al-Quran menjadi cahaya dalam kegelapan.

Dalam kesunyian penjara, beliau 'mencuri kebebasan' dengan membaca dan menulis. Shakespeare menjadi teman utamanya: "Hamlet, King Lear, The Winter's Tale - the list may look predictable, but Shakespeare's characters became more than dramatic personae. They spoke to me and allowed me to speak to them".

Daripada kesunyian itu, beliau menemui semula makna kebebasan. "Isaiah Berlin tells us that

freedom is the absence of constraints imposed by others. But viewed behind the walls of incarceration, freedom takes on a completely different dimension". Anwar membaca tanpa henti - Iqbal, Shariati, Natsir, Fanon, Locke, Paine, Tocqueville - dan menulis puluhan 'prison notebooks'.

Beliau menolak perbandingan dengan Mandela atau Gramsci yang turut dipenjarakan, tetapi mengakui satu hakikat: "There is something about being confined to a small cell that forces you to focus on yourself and to think about the world outside."

Dalam ruang sempit itulah, lahir Anwar yang baharu, lebih tenang, lebih dalam dan lebih tajam akalanya.

Buku ini juga membawa pembaca menelusuri akar perjuangan beliau sejak 1974, protes petani miskin di Baling, Kedah, penahanan mengikut Akta Rahsia Rasmi (ISA) dan kesedaran pahit bahawa idealisme tanpa struktur kuasa akan mudah dihancurkan.

## Aktivisme jalanan kepada perjuangan institusional

Penyerahannya ke dalam UMNO pada 1982 bukan penyerahan, tetapi strategi. "From outside to within," katanya, menggambarkan peralihan daripada aktivisme jalanan kepada perjuangan institusional.

Selepas peristiwa hitam pada 1998, beliau menulis dengan keinsafan yang jujur: "While I had come so close, the option of change from within was no longer available to me. But I was not alone". Maka lahirlah Parti Keadilan Rakyat (PKR), sebagai kesinambungan idealisme 1970-an dalam bentuk baharu.

"Kesimpulannya, 'Rethinking Ourselves' bukan sekadar memoir seorang tahanan politik, tetapi testimoni seorang insan yang bangkit daripada penderitaan

Dalam bab pertengahan, Anwar merumuskan pandangan dunianya dengan tajam dan ilmiah. Beliau menolak 'zombie categories', kerangka lapuk yang "govern our thinking but are not really able to capture the contemporary milieu".

Beliau melakarkan teori *Postnormal Times* (PNT) oleh Ziauddin Sardar untuk menjelaskan dunia masa kini yang digerakkan empat pemacu (4S) - speed, scope, scale, simultaneity dan tiga akibat besar (3C) - complexity, chaos, contradictions'. Dari sini lahir falsafah kepemimpinan berasaskan kesedaran moral: "A basic thesis of postnormal times is that they cannot be managed or controlled. They can only be navigated".

Maka, apabila beliau akhirnya diangkat sebagai Perdana Menteri pada November 2022, Anwar menjadikan teori ini asas kepada falsafah kenegaraan baharu - Malaysia MADANI.

Enam nilai terasnya - Kemampanan, Kesejahteraan, Daya Cipta, Hormat, Keyakinan, dan Ihsan - dijejaskan beliau sebagai 'the operating system of governance', bukan sekadar slogan.

Nilai ini menjadi kompas moral membimbing dasar, keputusan dan identiti Malaysia di tengah dunia penuh ketidakpastian.

Kesimpulannya, 'Rethinking Ourselves' bukan sekadar memoir seorang tahanan politik, tetapi testimoni seorang insan yang bangkit daripada penderitaan untuk mendefinisikan semula keadilan, moral dan kemanusiaan.

Dari Baling ke Bukit Aman, dari Shakespeare ke Iqbal, dari Gramsci ke Sardar, Anwar menulis dengan tinta perjuangan dan air mata ketabahan. Di sebalik semua badai, beliau tidak menjadi korban sejarah tetapi menulis semula sejarah itu dengan makna baharu.

